

**UCAPAN
YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

SEMPENA

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN TAHUN 2019**

PADA 20 JULAI 2020 (ISNIN) JAM 9:00 PAGI

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB Dato' Dr. Razali Ab. Malik
Setiausaha Kerajaan Negeri

YB Pegawai Kewangan Negeri

YB Sohibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri

Ketua-ketua Jabatan Negeri

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.**

Pendahuluan

1. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri kerana menganjurkan majlis ringkas pada hari ini yang memberi peluang kepada saya menyampaikan Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2019 bagi penerima APC di Jabatan dan Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan **melalui** Ketua

Jabatan atau wakil Ketua Jabatan yang hadir pada hari ini. Justeru, saya ingin mengambil peluang pada hari ini untuk menyatakan kepada tuan/puan aspirasi kepimpinan Kerajaan Negeri terhadap perkhidmatan awam negeri. Adalah diharapkan segala yang saya nyatakan pada hari ini, dapat disampaikan kepada semua warga kerja masing-masing.

2. Alhamdulillah, dalam keadaan norma baharu yang agak terbatas ini kita masih mampu melaksanakan amanah dengan sebaiknya. Sesungguhnya, komitmen dan usaha berterusan tuan/puan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha memerangi pandemik Covid-19 sehingga ke hari ini amat dihargai oleh Kerajaan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa usaha menangani pandemik Covid-19 ini masih belum berakhir sepenuhnya. Dalam usaha mengawal wabak ini daripada terus menular, kita perlu membiasakan diri dengan kehidupan kebiasaan baharu dan norma baharu seperti penjarakan sosial dan mengamalkan penjagaan kesihatan yang baik serta mematuhi SOP yang ditetapkan.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

3. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 ini adalah manifestasi penghargaan Pentadbiran Kerajaan Negeri terhadap penjawat awam Negeri Sembilan yang telah menunjukkan kecemerlangan pada tahun 2019 yang lalu. Secara kebiasaannya mereka ini diraikan secara gilang gemilang di dalam satu majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, berdasarkan situasi semasa, Pentadbiran Kerajaan Negeri berpandangan majlis sedemikian tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini. Adalah diharapkan Ketua Jabatan dapat melaksanakan apa-apa kaedah yang terbaik bagi meraikan pegawai-pegawai yang cemerlang ini di peringkat Jabatan masing - masing.

4. Untuk makluman tuan/puan, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bahawa insentif RM1000 bagi semua penerima APC Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan tahun 2019 akan diberikan dalam bentuk Sijil **Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)** yang merupakan satu skim atau instrumen simpanan di bawah kendalian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Keputusan ini bertujuan memberi nilai tambah terhadap insentif APC

berdasarkan keistimewaan SSPN-i tersebut yang ditawarkan oleh PTPTN.

Tuan/Puan yang dihormati sekalian,

5. Bertepatan dengan matlamat penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang di dalam perkhidmatan awam, sudah pastilah penerima APC ini adalah di kalangan yang cemerlang daripada yang cemerlang. Saya percaya semua Ketua Jabatan telah melaksanakan pertimbangan yang adil dan saksama untuk menentukan penerima APC ini. Saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan penghargaan atas kecemerlangan Penjawat Awam Negeri Sembilan ini. Harus diingat bahawa kecemerlangan ini perlu sentiasa ditambah baik agar menjadi lebih cemerlang pada masa hadapan dan seterusnya memberi impak yang lebih baik kepada pentadbiran kerajaan negeri.

6. Namun demikian, saya juga berminat untuk membicarakan sumbangan penjawat awam yang lain. Saya sedar bahawa terdapat kuota untuk penganugerahan APC ini di mana ianya tidak melebihi 8% daripada jumlah keseluruhan pengisian jawatan pegawai pada 31 Disember 2019. Untuk makluman tuan/puan, kita tidak nafikan sumbangan penjawat awam Negeri Sembilan yang lain. Itulah sebabnya dari semasa ke semasa Kerajaan Negeri memberi imbuhan dalam bentuk bantuan Khas Kewangan contohnya Bantuan Khas Kewangan

Belanjawan 2020 yang lalu iaitu sebulan gaji atau minimum RM2,000 dan juga Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 yang berjumlah RM1,000 yang telah dibayar pada 8 Mei 2020 yang lalu. Semua ini, sedikit sebanyak menunjukkan bahawa sumbangan dan khidmat bakti penjawat awam Negeri Sembilan sentiasa mendapat perhatian kepimpinan negeri.

7. Kepada Ketua Jabatan pula, suka saya mengingatkan bahawa kuota 8% bukanlah ukuran hakiki bagi menentukan bilangan pegawai yang layak dianugerahkan APC. Sekiranya bilangan pegawai cemerlang tidak memenuhi kuota yang ditentukan, Ketua Jabatan berhak menentukan hanya pegawai yang cemerlang sahaja layak menerimanya. Inilah barisan pegawai awam yang perlu dijadikan penanda aras oleh pegawai awam yang lain. Kita tidak mahu kredibiliti APC ini diperkecilkan disebabkan hanya untuk memenuhi kuota tersebut, penerima yang tidak layak turut diangkat untuk pengiktirafan. Biarlah APC ini menjadi ukuran prestij bagi menilai kecemerlangan pegawai awam. Justeru itu, Ketua – Ketua Jabatan perlu melaksanakan kaedah '*reward and punishment*'. Selain mengiktiraf pegawai yang cemerlang, pegawai yang bermasalah juga perlu diambil tindakan yang sewajarnya.

8. Ketua Jabatan perlu memainkan peranan besar dalam memberi inspirasi dan bimbingan kepada pegawai awam yang

berprestasi rendah. Ini sangat penting bagi memastikan keseluruhan organisasi dapat mencapai prestasi yang terbaik. Dalam hal ini, Ketua Jabatan juga perlu membuat penilaian yang objektif bagi memastikan tiada pegawai yang tersisih atau diketepikan akibat daripada sikap pilih kasih atau berat sebelah. Jika sekiranya prestasi pegawai berprestasi rendah disebabkan oleh masalah disiplin dan masih mengulangi kesilapan yang sama setelah ditegur, maka Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan sewajarnya berlandaskan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Ironinya, dalam sesetengah keadaan, pegawai yang sememangnya diketahui bermasalah dan tidak menunjukkan kualiti kerja yang memuaskan telah diberikan markah penilaian yang terlalu tinggi yang tidak menggambarkan prestasi semasa sehingga menyebabkan pegawai terbabit terlepas daripada radar pemantauan bagi pelaksanaan langkah – langkah intervensi. Adalah amat menyedihkan jika sekiranya pegawai yang bermasalah ini tidak ditangani dengan sewajarnya dan bakal menjadi duri dalam daging perkhidmatan awam negeri.

9. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab dan 'accountable' terhadap prestasi pegawai-pegawai di bawah seliaan masing-masing. Ketua Jabatan perlu mengaplikasi konsep Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Organisasi yang bersesuaian.

Pegawai–pegawai bermasalah dan berprestasi rendah perlu ditangani, pegawai yang berprestasi sederhana perlu dipertingkatkan prestasinya manakala pegawai yang berprestasi tinggi perlu sentiasa diberi peluang perkembangan dan pembangunan dalam kerjaya. Janganlah mengambil pendekatan mudah mengeluarkan pegawai bermasalah dan berprestasi rendah daripada organisasi tanpa diambil tindakan yang sewajarnya. Berterus teranglah dengan menegur secara berhikmah dan katakanlah yang benar walaupun pahit. Sesungguhnya usaha murni tuan/puan tersebut dapat membantu kecemerlangan perkhidmatan awam negeri secara keseluruhannya.

10. Dalam masa yang sama, usahlah tuan/puan berasa gundah gulana jika sekiranya pegawai yang cemerlang tersebut ditukarkan atas dasar 'job rotation' atau pun atas kepentingan perkhidmatan. Sebaliknya, tuan/puan patut berasa bangga pegawai–pegawai tuan/puan yang cemerlang ini dapat membawa dan meneruskan kecemerlangan tersebut ke organisasi lain di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Saya percaya, sebagai seorang Ketua Jabatan, tuan/puan sudah semestinya mempunyai perancangan pengurusan sumber manusia di peringkat organisasi masing-masing yang melibatkan latihan yang berterusan, pertukaran

dalam dan penstrukturan fungsi tugas yang boleh membawa kepada kecemerlangan organisasi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Pandemik Covid-19 ini bukan sahaja telah merubah ritma kehidupan seharian kita, malahan juga cara bekerja. Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan operasi pejabat berjalan dengan baik di bawah kebiasaan baharu dan norma baharu budaya kerja perkhidmatan awam, Ketua Jabatan di organisasi perlu terus mengambil langkah proaktif dan efektif dalam memikul mandat sepenuhnya. Peranan Ketua Jabatan dalam tempoh PKPP ini perlu dimainkan sebaik mungkin dengan menekankan amalan budaya kreatif dan inovatif dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat walaupun terdapat kekangan dan cabaran.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima APC di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Semoga kecemerlangan yang dihasilkan dapat diteruskan dan ditambah baik dalam usaha meningkatkan produktiviti dan memacu pembangunan negeri. Buat semua penjawat awam di Negeri Sembilan, marilah bersama-sama dengan saya dan pemimpin kerajaan yang lain dalam usaha memacu mencapai status Negeri Sembilan moden. Saya

percaya dengan kerjasama dan komitmen kita semua Negeri Sembilan akan terus makmur seperti mana *tagline* negeri
•Bersih •Muafakat •Sejahtera.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.